

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Sidang Dewan Rakyat

KKM pertimbang dapatkan vaksin generasi baharu

Kementerian
antau
keberkesanan
pelalian
lawan virus

Oleh Zanariah Abé Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan mempertimbang perolehan vaksin COVID-19 generasi baharu jika ia didapati berkesan dan selamat untuk melawan varian baharu.

Menterinya, Khairy Jamaluddin, berkata pihaknya sedang melihat kepada penghasilan vaksin berkenaan yang mungkin akan memasuki pasaran dan

mendapat kelulusan badan pengawalselia kesihatan.

Bellau menjawab soalan tambahan Datuk Rubiah Wang (GPS-Kota Samarahan) yang bertanya sejauh mana Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PI-CK) sebelum ini mampu untuk berdepan dengan virus COVID-19 yang sentiasa bermutasi dan adakah kerajaan merancang untuk melaksanakan pemberian dos penggalak kedua.

Khairy memaklumkan, Jawatankuasa Kerja Teknikal (TWG) bagi Vaksin COVID-19 mengesyorkan pengambilan dos penggalak kedua untuk enam kumpulan, dengan yang terbaru bagi individu sihat berusia 50 hingga 59 tahun, yang boleh diberikan vaksin jika mereka memilih berbuat demikian untuk perlindungan daripada risiko penyakit.

Lima kumpulan lain adalah individu berusia 60 tahun ke atas

dengan komorbiditi berisiko tinggi, individu berusia 60 tahun ke atas tanpa komorbiditi dan mendapat saranan daripada pengamal perubatan serta warga emas yang tinggal di fasiliti penjagaan jangka panjang.

Selain itu, individu berusia 18 hingga 59 tahun yang berisiko tinggi dan petugas barisan hadapan.

Langkah proaktif

Menjawab soalan asal Rubiah mengenai tindakan KKM berdepan ancaman varian baharu COVID-19, Khairy berkata, pihaknya mempersiapkan beberapa langkah proaktif, termasuk mengaktifkan semula National COVID-19 Rapid Response Task Force (NRRRTF) apabila peningkatan kes COVID-19 mencapai suatu nilai ambang yang dikenal pasti.

Selain itu, memperkenalkan penggunaan ubat antiviral Paxlo-



Khairy pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto Ihsan penerangan)

vid ke dalam COVID-19 Clinical Care Pathway sejak 15 April lalu dalam kalangan pesakit yang menerima rawatan di Klinik Kesihatan, Pusat Penilaian COVID-19 (CAC), Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) dan hospital KKM serta meningkatkan peratusan individu yang layak menerima vaksin dos penggalak bagi mengurangkan penularan jangkitan, jangkitan serius serta kematian.

Khairy berkata, KKM turut memperkukuh pengurusan COVID-19 melalui pendigitalan pengurusan kesihatan, dengan melalui pendekatan FTTIS (Find,

Test, Trace, Isolate and Support) yang diautomasikan.

"KKM juga memastikan semua CAC yang beroperasi secara fizikal dan secara maya bersedia untuk menerima kedatangan dan panggilan pesakit yang tinggi untuk membuat penilaian terhadap pesakit yang disahkan positif COVID-19.

"KKM turut memantau rapi penularan jangkitan COVID-19 dalam masyarakat melalui pelaksanaan aktiviti surveilans membabitkan lokasi sentinel jangkitan penyakit seperti influenza (ILI) dan jangkitan pernafasan akut teruk (SARI)," katanya.

Penularan COVID-19

KPM aktifkan pelan kontingensi kesihatan

Putrajaya: Kementerian Pendidikan (KPM) akan mengaktifkan pelan kontingensi kesihatan susulan peningkatan kes jangkitan COVID-19 dan Penyakit Seperi Influenza (ILI) di negara ini.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin, berkata pihaknya perlu mendapatkan nasihat daripada Kementerian Kesihatan (KKM) terlebih dahulu sebelum melaksanakan pelan itu.

Katanya, KPM sentiasa mengadakan perbincangan dengan KKM mengenai situasi kesihatan di negara ini, khususnya yang membabitkan pelajar.

"Dalam tempoh dua tahun, sudah banyak yang kita pelajari dan apa yang penting ialah segala prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh KKM akan kita patuhi.

"KPM sentiasa berbincang bagi memastikan walaupun dalam keadaan influenza atau COVID-19 sedikit meningkat, kita masih boleh meneruskan sesi persekolahan dalam keadaan selamat dan teratur.

"Kita sudah melalui keadaan yang sukar sebelum ini dan kita boleh aktifkan apa sahaja pelan yang sudah ada," katanya pada sidang media selepas melancarkan Liga Tunas Malaysia di Stadium Mini Pancarona, Presint 18, semalam.

Majlis itu turut dihadiri Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

Kes COVID-19 meningkat

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan kes ILI membabitkan kes COVID-19 di seluruh negara menunjukkan peningkatan 8.5 peratus kepada 11.5 peratus berbanding 10.6 peratus sebelumnya.

Mengulas mengenai Liga Tunas berkenaan, Radzi berkata, ia memberi peluang kepada pihaknya dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mencungkil bakat bola sepak yang ada pada murid lebih awal serta membolehkan pelajar menyertai lebih banyak pertandingan ketika di sekolah.

"Ini program yang julung kali



Radzi (dua dari kanan) dan Ahmad Faizal (dua dari kiri) selepas pelancaran Liga Tunas Malaysia di Stadium Mini Pancarona, Presint 18, Putrajaya, semalam.

(Foto Twitter Radzi Jidin)

diadakan dengan kerjasama KBS. Menerusi liga ini, kita akan mengambil lapan pasukan teratas dalam Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah (MSSD).

"Apa yang berlaku sebelum

ini, pelajar ini akan bertanding antara sekolah dalam daerah sebelum dipilih mewakili daerah. Tetapi menerusi program yang kita anjurkan ini, mereka diberi ruang untuk bertanding

di peringkat yang lebih tinggi.

"Liga ini juga akan menjadi platform kepada KBS atau persatuan sukan mencungkil bakat baharu dalam bidang bola sepak," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

3,080 kes baharu Covid-19 dilapor

Kuala Lumpur: Sebanyak 3,080 kes baharu Covid-19 direkodkan kelmarin berbanding 3,936 kes semalam.

Maklumat di laman CovidNow setakat tengah malam kelmarin menunjukkan angka terbaharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini mencecah 4,626,061 kes.

Daripada jumlah kes baharu yang dilaporkan, sebanyak 3,079 kes adalah penularan tempatan manakala hanya satu jangkitan dari luar negara.

Sebanyak tujuh angka

maut dicatatkan sekali gus menjadikan jumlah keseluruhannya mencecah 35,869 kes.

Selain itu, sebanyak 3,399 kes sembuh dilaporkan kelmarin menjadikan jumlahnya meningkat kepada 4,551,413 kes manakala jumlah kes aktif ialah 41,859 kes.

Daripada jumlah kes masih aktif itu, seramai 40,622 menjalani kuarantin sendiri di rumah manakala 34 orang ditempatkan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : LOKAL

Kes HFMD naik 27 kali ganda di Kelantan

Kota Bharu: Sebanyak 7,078 kes membabitkan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dilaporkan di Kelantan sepanjang Januari sehingga kini.

Pengerusi Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan negeri, Dr Izani Husin berkata, kes HFMD itu menyaksikan peningkatan 27 kali ganda berbanding tempoh sama pada 2021 iaitu hanya 261 kes dilaporkan.

"Namun begitu, ketika ini, kes HFMD dalam trend menurun. Ini kerana, kes dilaporkan pada minggu epid 28 adalah 39 kes, menurun 58.5 peratus berbanding minggu epid 27 iaitu 84 kes.

"Sebahagian besar wabak dilaporkan membabitkan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) dan pusat jagaan kanak-kanak," katanya.

Beliau menjawab soalan **Mohd Rusli Abdullah (Pas-Wakaf Bharu)** pada sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Kelantan di sini, semalam.

Pada perkembangan sama, Dr Izani berkata, tindakan diambil Jabatan Kesihatan Kelantan adalah dengan menutup Taska atau pusat jagaan kanak-kanak selama dua minggu jika berlaku kes HFMD di premis berkenaan.

"Ibu bapa kanak-kanak

7,078

Bilangan kes
HFMD dilaporkan
di Kelantan sepanjang
Januari hingga Julai

yang menunjukkan tanda atau gejala jangkitan dinasihati tidak menghantar anak ke pusat jagaan kanak-kanak, taska, tadika atau sekolah sebaliknya dibawa ke klinik.

"Inisiatif ini menyekat penularan kes, sekali gus mencatat penurunan ketara. Memandangkan penyakit ini tiada vaksin khas, masyarakat perlu lebih peka untuk mencegahnya.

"HFMD boleh dijangkiti melalui titisan air liur batuk dan sentuhan, justeru kita perlu menutup mulut dan hidung semasa batuk dan bersin," katanya.

Dalam perkembangan lain, Izani berkata, 78,727 kes Covid-19 dilaporkan sehingga 18 Jun.

Terkini, ia menunjukkan trend menurun secara ketara dengan kurang 50 kes bagi tempoh 16 April sehingga 22 Jun.

Menurutnya, kerajaan negeri menganggap program vaksinasi Covid-19 di Kelantan berjaya walaupun masih ada segelintir masyarakat yang tergolong dalam golongan anti-vaksin.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : DEWAN RAKYAT

Namun pengeluar ubat
beri jaminan stok akan
ditambah bermula
bulan depan

Influenza punca ubat habis

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL
ASHRAF MOHD KHALID
KUALA LUMPUR

Permintaan tinggi terhadap ubat-ubatan disebabkan berlakunya peningkatan kes influenza bermusim yang sedang berlangsung pada waktu ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pihaknya telah menerima jaminan daripada pengeluar ubat-ubatan bahawa stok akan mula meningkat apabila Malaysia dapat mengimport lebih banyak bahan farmaseutikal aktif bermula bulan hadapan.

"Jadi dalam tempoh menunggu bekalan ini dapat ditingkatkan, kita dahulukan stok penimbale kerajaan persekutuan agar ubat-ubatan yang kekurangan ini dapat ditampung," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Lim Guan Eng (PH-Bagan) sewaktu pertanyaan

-pertanyaan menteri.

Guan Eng bertanyakan mengenai kedudukan bekalan ubat-ubatan kerana terdapat banyak aduan yang diterima mengenai kekurangannya.

Khairy menambah, masalah kekurangan bekalan ubat bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi di seluruh dunia.

"Pengurangan ini disebabkan masalah rantai bekalan dunia, *lock-down* di China dan geopolitik dunia," katanya.

Dalam masa sama, Khairy memaklumkan beliau telah mengadakan sesi libat urus bersama persatuan ubat-ubatan, farmasi bersama pengeluar ubat-ubatan dan farmaseutikal pada Khamis lalu.

"Oleh yang demikian, saya telah membuat keputusan bahawa stok penimbale kerajaan akan diberi kepada fasiliti kesihatan swasta untuk menampung kekurangan dihadapi sekarang ini," katanya.

FOTO: BERNAMA



Khairy menjawab soalan pada Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Parlimen ke-14 bagi Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen pada Selasa.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : NASIONAL

Kes Covid-19, ILI meningkat: KPM ada pelan kontingensi buat pelajar

PUTRAJAYA - Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa bersedia untuk menghidupkan semula pelan kontingensi buat pelajar sekolah sekiranya peningkatan kes jangkitan Covid-19 dan Penyakit Seperti Influenza (ILI) berada dalam keadaan tidak terkawal.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin berkata, bagaimanapun KPM perlu mengadakan perbincangan terlebih dahulu dan mendapatkan nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum membuat sebarang

keputusan.

"Apa yang paling-penting setiap protokol yang ditetapkan KKM perlu dipatuhi, KPM akan berbincang dengan KKM dan melihat pendekatan yang perlu dilaksanakan (untuk mengekang wabak berkenaan).

"Kita memang sentiasa melakukan perbincangan untuk memastikan walaupun keadaan Covid-19 dan dan influenza yang sedikit meningkat, kita masih boleh meneruskan persekolahan dengan selamat dan teratur," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Liga Tunas Malaysia di Stadium Mini Taman

Pancarona di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian apabila ditanya usaha KPM bagi memastikan kes Covid-19 dan influenza tidak menular dalam kalangan pelajar yang hadir ke sekolah untuk sesi pengajaran dan pembelajaran bersemuka.

Pada Isnin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan kes Covid-19 bagi Minggu Epidemiologi ke-28 (ME 28/2022) dari 10-16 Julai meningkat sebanyak 23.4 peratus manakala kes ILI dan Severe Acute Respiratory Infection Covid-19 meningkat 8.5 peratus. - *Bernama*



MOHD RADZI

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

2nd Covid booster now available for those aged 50-59

HEALTHY individuals aged 50 to 59 can now get their second Covid-19 booster jab, the Dewan Rakyat heard yesterday.

Health Minister Khairy Jamaluddin said it was the sixth group to be allowed to receive the second booster dose.

The others were those aged 60 and above with comorbidities, those aged 60 and above without comorbidities, individuals living at long-term care facilities, individuals aged 18 to 59 with comorbidities and frontliners.

"We also allow travellers going abroad to get the second booster shot should they choose to do so,"

he said in reply to a supplementary question from Datuk Rubiah Wang (GPS-PBB-Kota Samarahan).

To date, 225,848 second doses of the Covid-19 vaccine booster shot had been administered, he said.

He added that 6,842,911 people, or about 30 per cent of the adult population eligible for the first booster dose, had yet to get it.

Earlier Khairy said a spike in Covid-19 cases in the country was detected since the middle of last month, based on new infection trends of over 2,000 cases.

"Based on the SARS-CoV-2 genomic surveillance by consor-

tium IMR-KPT-MGVI members, as well as the outsourced genomic sequencing service, it found that the upward trend of cases involved the BA.5 variant, as experienced in many countries, including Singapore, South Africa and in Europe.

In facing new variant threats, Khairy said the Health Ministry would continue implementing strategies adopted during the Delta and Omicron waves to save lives, reduce infection severity, protect the country's health system and ease the livelihood of people affected by the pandemic.

He listed the ministry's proac-

tive measures, namely reactivating the National Covid-19 Rapid Response Task Force when cases reached a certain threshold, introducing oral anti-viral medicine Paxlovid since April 15 at the Health Ministry's clinics and Covid assessment centres, activating Covid-19 quarantine and treatment centres and hospitals, and boosting the percentage of those eligible for vaccine booster shots.

He said initiatives to continue boosting public awareness about personal health discipline had also been carried out since early this year.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

Second booster available

Individuals aged 50-59 can now receive their shots

KUALA LUMPUR: Individuals aged 50 to 59 years old who are without any comorbidities are now allowed to take their second Covid-19 booster shot, says Health Minister Khairy Jamaluddin.

"The sixth group, that's the 50-59-year-old group without any chronic diseases, and those 50 years old and below, can receive the second vaccine booster shot," said Khairy when answering a supplementary question from Datuk Rubiah Wang (GPS-Kota Samarahan) in Parliament during oral question time yesterday.

Khairy said this is part of recommendations by the Health Ministry's technical working committee.

He also said those aged 60 and above, with or without comorbidities, may opt for a second booster upon medical advice.

Previously, the second booster shot was only allowed to those who are aged 60 and above with comorbidities and are travelling overseas.

Khairy said the second booster shot is also extended to those living at long-term health-care facilities, high-risk individuals aged 18 to 59 years old, and also Covid-19 frontliners.

Meanwhile, the Health Ministry is currently considering the usage of new second generation vaccines if it manages to be approved by regulatory bodies.

"If this vaccine is useful and safe to be developed for variants such as Omicron, may be the acquisition can be considered in the future."



Optional jab: Those aged 60 years and above may opt for a second booster based on medical advice.

"For now, we have expanded the usage of Paxlovid to districts and also states," said Khairy.

As of July 18, 225,848 individuals have received their second booster shot, while 16,165,730 individuals have received the first booster shot.

The number of individuals eligible for the second booster stood at 2,519,761 individuals who are aged 60 and below and have completed their first booster shot four months ago or longer.

"The number of individuals who haven't received their second booster shot stands at 2,291,913 individuals, or 91% of those who are eligible."

"Individuals eligible to receive the first booster shot according to Health Ministry criteria are 23,008,641 who have received full vaccination for more than three months," Khairy said, adding that those who have not received their first booster shot stood at 6,842,911 individuals, or 29.7% of those who are eligible.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Kelantan records 27-fold increase in HFMD cases

KOTA BARU: The state assembly here was told yesterday that 7,078 cases of hand, foot and mouth disease (HFMD) were recorded in Kelantan since January, Bernama reported.

State Local Government, Housing and Health Committee chairman Dr Izani Husin said the number showed a 27-fold increase compared with the same period last year.

However, he said cases began to show a downward trend in the 28th epidemiological week (ME28), when only 39 cases were reported, which was a 58.5% drop compared with 94 cases for ME27.

"Of the total HFMD cases reported this year, the majority involved children aged one to four, which is 68%. Overall, 90.3% of the

► Majority of infections involved children aged one to four, with outbreaks occurring at kindergartens and childcare centres

reported cases were among those aged six and below.

"Most of the outbreaks reported involved kindergartens and childcare centres. However, no deaths were recorded involving the HFMD outbreak in the state," he said.

He was replying to a question from Mohd Rusli Abdullah (PAS-Wakaf Baru) on the latest developments of HFMD at the state assembly at the Kota Darulnaim Complex.

Izani also said among initiatives by the state government and state health department to curb HFMD was to close the centres and nurseries for two weeks if there was a case detected at the premises.

"What we see is that this immediate action is effective and can prevent cases from increasing significantly. In fact, the owners of the premises were also often advised to regularly perform sanitisation at the premises.

"As we all know, there is no vaccine for HFMD and the community only needs to be sensitive, especially in terms of hygiene, to prevent contracting the disease as it can be transmitted through coughing and touching bodily fluids.

"Therefore, we need to practise covering the mouth and nose when coughing and sneezing," he said.

On the latest developments in Covid-19 cases in the state, Izani said as of June 18, a total of 78,727 cases had been recorded, but it has shown a significant drop.

"From April 16 to June, the number of new Covid-19 cases reported in the state was less than 50 daily, showing that the National Covid Immunisation Programme was a success."

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

95% M'sians do not include veggies in diet

SHAH ALAM: About 95% of the country's population do not consume vegetables as recommended by the Health Ministry, which is one of the factors leading to increased risk of fatty liver, heart and kidney diseases.

Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said the findings were based on the National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2019, which is conducted every four years to gauge the health literacy of the population.

He said most people in Malaysia only consumed one serving of vegetable per meal and do not eat vegetables and fruits according to the "quarter-quarter-half" recommendation (quarter of the meal comprising grains such as rice while the other quarter comprising meat and the remaining half made up of fruits and vegetables).

"Eating only one type of vegetable is not good for health. Instead, you need to take various types of fibre and vegetable in a variety of colours. If you do not eat vegetables, you will suffer from a lack of nutrition while excessive intake of sugar and simple carbohydrates will cause organic compounds to get embedded in the body as fat.

"This can lead to fatty liver disease and eventually, it does not function well and the system in our body is damaged and leads to non-communicable diseases (NCD) such as heart and kidney disease," he said after officiating at the 23rd National Institute of Health Scientific Seminar.

"This NCD is like a time bomb if left unchecked. The community is encouraged to participate in the national health screening initiative to ensure that they take care of their health."

He added that for the next NHMS, the government would introduce a National Health Literacy Policy to enhance understanding and use of existing health facilities. - Bernama -